

## **Dasar Privasi**

Selamat datang ke Laman Web Kerjaya Johnson & Johnson di <http://careers.jnj.com> ("Laman Web"). Semua maklumat peribadi yang dibekalkan oleh pemohon jawatan melalui fungsi carian dalam talian dan permohonan jawatan kosong di Laman Web ini tertakluk pada Dasar Privasi ini ("Dasar"). Laman Web ini dikendalikan oleh Johnson & Johnson Services Inc., Amerika Syarikat ("JJSI") untuk memproses penyerahan permohonan jawatan kosong dalam talian dan untuk menyokong fungsi perekutan yang berkaitan bagi Johnson & Johnson dan syarikat gabungannya. JJSI beroperasi bagi pihaknya sendiri dan bagi pihak syarikat gabungannya yang terdapat di seluruh dunia.

Dasar ini meliputi semua maklumat peribadi yang anda serahkan melalui Laman Web yang merupakan sebahagian daripada proses permohonan jawatan kosong atau carian pekerjaan, termasuk maklumat hubungan anda, resume atau CV anda, pengalaman kerja dan pendidikan, sebarang maklumat peribadi atau keluarga yang mungkin anda sertakan dalam resume anda atau dalam mana-mana dokumen, rujukan pekerjaan dan maklumat lain yang berkaitan dengan kesesuaian anda untuk memegang sesuatu jawatan. Kami tidak meminta anda membekalkan maklumat sensitif seperti orientasi seksual, bangsa, asal etnik, agama, kepercayaan, kecacatan, taraf perkahwinan, kerakyatan atau negara asal.

Sebarang maklumat yang anda serahkan melalui Laman Web ini mestilah benar, lengkap dan tidak mengelirukan. Sekiranya maklumat yang dibekalkan itu tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan, permohonan anda mungkin akan ditolak semasa proses permohonan atau tindakan disiplin termasuk pemecatan serta-merta sekiranya anda telah diambil bekerja. Jika anda membekalkan maklumat tentang pihak ketiga kepada kami, misalnya rujukan, anda adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan keizinan daripada pihak ketiga tersebut sebelum berkongsi maklumat peribadi mereka dengan kami. Maklumat peribadi mengenai anda akan disemak dan digunakan oleh kakitangan atau ejen JJSI dan syarikat gabungannya yang mempunyai keperluan perniagaan untuk mengakses maklumat tersebut dan mungkin termasuk perekut, kakitangan sumber manusia, perkhidmatan teknikal, pengurus, bakal penemu duga atau wakil-wakilnya. Penyerahan maklumat peribadi di Laman Web ini dilakukan secara sukarela. Walau bagaimanapun, kegagalan membekalkan maklumat yang mencukupi mungkin menyebabkan kami tidak dapat mempertimbangkan permohonan jawatan anda.

### **Penggunaan dan Pendedahan Maklumat Peribadi**

Maklumat yang anda bekalkan di Laman Web akan diproses dan disimpan di Amerika Syarikat dan negara-negara lain di seluruh dunia yang anda sedang dipertimbangkan untuk memegang jawatan. Maklumat peribadi mungkin turut didedahkan kepada syarikat gabungan lain di seluruh dunia bagi tujuan yang dinyatakan di bawah. Maklumat peribadi mengenai anda akan ditambahkan ke pangkalan data calon antarabangsa JJSI dan akan digunakan untuk tujuan mempertimbangkan sama ada profil anda sesuai bagi peluang pekerjaan lain. Maklumat ini mungkin digunakan juga dalam format agregat bagi tujuan analisis data dan pematuhan. Jika kami memutuskan untuk membuat tawaran kepada anda, maklumat peribadi yang anda bekalkan mungkin digabungkan ke dalam sistem sumber manusia kami untuk mengurus proses pengambilan pekerja baharu. Jika anda menjadi kakitangan kami, maklumat peribadi yang anda bekalkan mungkin menjadi sebahagian daripada fail kakitangan anda dan mungkin digunakan untuk tujuan pekerjaan/ kerja berkaitan yang lain.

Kami mungkin juga akan mendedahkan maklumat peribadi yang anda bekalkan melalui Laman Web ini kepada pihak ketiga yang bukan syarikat gabungan Johnson & Johnson, tetapi hanya:

- (i) kepada kontraktor yang kami gunakan untuk menyokong perniagaan kami, vendor sumber manusia, vendor yang menyediakan perkhidmatan teknikal atau pemprosesan kepada JJSI dan perkhidmatan penghantaran. Kami mewajibkan pihak ketiga tersebut bersetuju untuk mengendalikan maklumat tersebut menurut Dasar ini dan menggunakan hanya bagi tujuan seperti yang diuraikan dalam Dasar ini;
- (ii) berhubung dengan penjualan, peruntukan, penggabungan, usaha sama atau pemindahan lain bagi kesemua atau sebahagian aset atau saham Johnson & Johnson dan syarikat gabungannya. Kami akan mewajibkan mana-mana pembeli tersebut agar bersetuju mengendalikan maklumat itu menurut Dasar ini dan menggunakan bagi tujuan yang sama; atau
- (iii) untuk melindungi atau memenuhi hak undang-undang syarikat kami, untuk memastikan privasi atau keselamatan kakitangan, ejen dan kontraktor kami; untuk menyiasat salah laku dan mencegah aktiviti

yang tidak wajar atau menyalahi undang-undang yang lain; untuk menjawab pertanyaan atau permintaan daripada pihak kerajaan atau pihak berkuasa awam; dan untuk mematuhi arahan mahkamah atau kerajaan atau proses undang-undang.

JJSI komited untuk melindungi privasi individu yang telah mengamanahkan maklumat peribadi mereka kepada kami. Sebagai lanjutan daripada komitmen kami, JJSI telah diperakui oleh Rangka Kerja Perlindungan Selamat antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah serta Switzerland berhubung data peribadi yang diproses, yang merupakan sebahagian daripada aktiviti sumber manusia syarikat kami.

### **Keselamatan**

Laman Web ini mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi maklumat peribadi semasa anda menghantarnya ke Laman Web kami dan untuk melindungi maklumat tersebut daripada hilang, disalahgunakan di samping akses, pendedahan, pengubahan atau pemusnahan yang tidak dibenarkan. Sila maklum bahawa tiada penghantaran maklumat melalui Internet yang benar-benar selamat atau bebas daripada ralat. Lebih jelas lagi, e-mel yang dihantar ke atau dari Laman Web ini mungkin tidak selamat. Dengan ini JJSI menafikan, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang setempat, sebarang liabiliti bagi pihaknya dan syarikat gabungannya serta kontraktornya atas sebarang maklumat anda yang dihantar ke Laman Web kami dan yang hilang, disalahgunakan, diakses, didedahkan atau dimusnahkan dengan cara yang menyalahi undang-undang atau tidak dihantar ke Laman Web kami dengan sepenuhnya atau tepat pada masanya.

### **Penyimpanan Data**

Kami menyimpan maklumat berkaitan pemohon jawatan sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang setempat. Kami mungkin mengalih keluar maklumat peribadi dari pangkalan data kami jika permohonan menjadi tidak aktif, tertakluk pada mana-mana obligasi undang-undang atau pengawalseliaan yang berkenaan, atau bagi tempoh masa yang dibenarkan oleh undang-undang setempat, bagi tujuan mempertimbangkan sekiranya profil anda sesuai untuk peluang pekerjaan lain. Sila maklum bahawa JJSI boleh memadamkan maklumat peribadi mengenai anda pada bila-bila masa (termasuk CV/resume anda) atas sebarang sebab atau tanpa apa-apa sebab. Oleh yang demikian, sila simpan satu salinan profil anda dan maklumat peribadi lain seperti yang telah diserahkan kepada kami.

### **Akses dan Pembetulan**

Untuk memastikan maklumat peribadi anda tepat, terkini dan lengkap, anda boleh mengakses, mengemas kini, membetulkan dan memadam maklumat yang telah anda serahkan dengan melog masuk ke Laman Web dan memilih "Buat/Ubah Profil Kerjaya Saya." Kami menggalakkan anda untuk mengemas kini maklumat anda dengan segera sekiranya maklumat itu berubah atau tidak tepat. Sila ambil perhatian bahawa kami dapat melihat sebarang perubahan yang anda lakukan pada Profil Kerjaya anda.

### **Tentang Kanak-kanak**

Laman Web ini bukan untuk kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.

### **Perubahan Dasar ini**

Kami mungkin mengubah Dasar ini pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu untuk menunjukkan dengan tepat amalan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan maklumat kami. Sila semak Dasar ini setiap kali anda menyerahkan maklumat peribadi ke Laman Web ini. Tarikh perubahan terakhir adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

### **Hubungi Kami**

Sekiranya anda ada pertanyaan atau permintaan berhubung Dasar Privasi ini, sila hubungi kami di [contact us](#).

### **Pindaan Terakhir**

Versi Dasar Privasi ini telah dipinda pada **11 Mac 2013**.

### **Keizinan Anda**

Pengumpulan, penggunaan dan pendedahan maklumat yang diserahkan ke Laman Web ini mungkin melibatkan pemindahan maklumat ke negara yang terletak di luar negara kediaman anda, yang mungkin tidak menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang setara berhubung perlindungan maklumat peribadi. Maklumat peribadi mengenai anda akan terus dilindungi menurut Dasar ini di mana jua maklumat tersebut dipindahkan.

Setelah anda membaca Dasar ini dengan teliti, sila nyatakan persetujuan anda berhubung pengumpulan, penyimpanan, penggunaan, pemindahan dan pendedahan Maklumat Peribadi anda oleh kami sebagaimana yang diterangkan dalam Dasar ini dengan mengklik butang "Saya terima" di bawah ini. Klik "Saya tolak" jika anda tidak bersetuju dan tidak mahu menggunakan fungsi carian dalam talian dan permohonan jawatan di Laman Web ini.